

**PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT PN17 PADA TAHUN 2014 – 2016:
NISBAH KECAIRAN DAN NISBAH HUTANG**

Nurul Liyana Hussin¹ & Sheikh Ai'bdul Rahim Sheikh Ibrahim²

¹Pensyarah Fakulti Inovasi Perniagaan dan Perakaunan,
Kolej Universiti Islam Melaka

²Pelajar Ijazah Sarjana Muda Fakulti Inovasi Perniagaan dan Perakaunan,
Kolej Universiti Islam Melaka

Abstrak

Syarikat PN17 adalah syarikat tersenarai di Bursa Saham Malaysia yang menghadapi masalah kewangan. Dari tahun 2014 hingga 2016, sebanyak 21 syarikat yang telah disenaraikan di Bursa Saham Malaysia yang dikelaskan sebagai PN17. Syarikat-syarikat ini telah memasuki senarai PN17 mengikut piawaian yang sedia ada. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan nisbah kecairan dan nisbah hutang dengan prestasi kewangan syarikat PN17. Kajian ini telah mendapatkan data sekunder melalui laporan tahunan syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia yang diklasifikasikan sebagai syarikat PN17 yang diakses menerusi *Thomson One Datastream*. Oleh itu, data akan diuji dengan menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Analisa Korelasi Pearson digunakan bagi menjawab objektif kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan nisbah hutang mempunyai hubungan yang kuat dengan prestasi kewangan syarikat (ROA).

Kata kunci: Syarikat-syarikat PN17, Bursa Saham Malaysia, Nisbah Kecairan Kewangan, Nisbah Semasa, Nisbah Cepat, Nisbah Hutang, Nisbah Pulangan Atas Aset, *One Datastream* dan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS).

FINANCIAL PERFORMANCE OF PN17 COMPANY ON YEAR 2014 -2016 : LIQUIDITY RATIO AND DEBT RATIO

Abstract

The PN17 Company is a listed company on the Malaysian Stock Exchange which has financial problems. From 2014 to 2016, a total of 21 companies listed on the Malaysian Stock Exchange were classified as PN17. These companies have entered the list of PN17 according to existing standards. The objective of this study is to identify the relationship between liquidity ratio and debt ratio with the financial performance of the PN17 company. This study has obtained secondary data through annual reports of companies listed on Bursa Malaysia which are classified as PN17 companies accessed through Thomson One Datastream. Therefore, the data will be tested using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) program. Pearson Correlation Analysis is used to answer the objectives of this study. The findings show that the debt ratio has a strong relationship with the company's financial performance (ROA).

Keywords: PN17 Companies, Malaysia Stock Exchange, Financial Liquidity Ratio, Current Ratio, Quick Risk, Debt Ratio, Returns on Asset, Thomson One Datastream and Statistical Package for Social Science (SPSS).

PENGENALAN

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang sederhana sebanyak 5.0% pada tahun 2015 daripada 2014 iaitu sebanyak 6.0%. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, dan didorong oleh sektor swasta. Tahap penggunaan di swasta terus merekodkan pertumbuhan sederhana apabila isi rumah telah menyesuaikan peruntukan perbelanjaan mereka kepada kos sara hidup yang lebih tinggi berikutan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), pelarasan harga pentadbiran, rasionalisasi subsidi dan penyusutan nilai ringgit. Walau bagaimanapun, pendapatan boleh guna yang lebih tinggi melalui langkah-langkah kerajaan yang menyasarkan kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana dan keadaan pasaran buruh yang stabil juga menyokong perbelanjaan yang lebih tinggi. Di samping itu, terdapat aktiviti penggunaan yang aktif pada awal tahun sebelum pelaksanaan GST pada April 2015 (Laporan Tahunan SME, 2016).

Krisis kewangan 2008 global bermula dari kejatuhan industri gadai janji utama di Amerika Syarikat, yang merebak ke dalam sektor kewangan dan perbankan dunia. Kesan kumulatif krisis kewangan tersebut menyebabkan berkurangnya keyakinan pengguna dan juga peluang pelaburan di seluruh dunia

(Krugman, 2009). Sebagai pemegang ekonomi terbesar di dunia, apabila berlakunya kemelesetan dan penguncupan ekonomi global telah memberi kesan buruk kepada ekonomi Asia yang banyak bergantung kepada perdagangan berorientasikan eksport. Hampir semua negara mencatatkan pertumbuhan negatif pada tahun itu.

Pada tahun 2014, prestasi ringgit pada mulanya mengalami trend penambahan nilai berbanding dengan dolar AS iaitu pada bulan Februari sehingga Ogos 2014. Pengukuhan ini sebahagian besarnya didorong oleh prospek pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang lebih baik pada dua suku pertama tahun tersebut. Walau bagaimanapun, trend ringgit mula bertukar arah pada akhir bulan Ogos apabila pelabur asing mula melupakan pegangan pelaburan portfolio dari pasaran serantau berikutan jangkaan bahawa kadar faedah di Amerika Syarikat (AS) mungkin dinaikkan lebih awal oleh *Federal Reserve AS*. Penyusutan nilai ringgit pada bulan September adalah sejajar dengan prestasi mata wang serantau yang lain. Secara keseluruhannya, prestasi ringgit berbanding dolar AS sepanjang tahun 2014 adalah stabil, dengan penyusutan nilai hanya sebanyak 0.02%. Berbanding prestasi sepuluh mata wang rakan dagangan utama negara, ringgit telah mencatatkan purata penambahan nilai sebanyak 1.8%. Semenjak ringgit diapungkan pada 21 Julai 2005, ringgit telah meningkat sebanyak 15.8% berbanding dengan dolar AS dan meningkat sebanyak 11.3% berbanding dengan mata wang sepuluh rakan dagangan utama negara. Kekuatan ringgit sepanjang tempoh ini mencerminkan prestasi ekonomi negara yang memberangsangkan dan pengukuhan asas-asas ekonomi negara. Usaha ini telah berjaya mewujudkan sistem kewangan dalam negeri yang kukuh, kedudukan luaran yang menggalakkan dan kedudukan fiskal yang lebih kukuh yang seterusnya melengkapi inisiatif transformasi ekonomi Kerajaan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan.

Rentetan keadaan ekonomi global yang tidak stabil menyaksikan banyak organisasi daripada pelbagai industri berdepan masalah kewangan yang berterusan. Masalah ini menjurus kepada prestasi syarikat yang semakin negatif. Bagi syarikat yang tersenarai dalam Bursa Malaysia yang mengalami masalah kewangan akan tersenarai dalam PN17. PN17 adalah singkatan kepada Practice Note 17/2005 yang merujuk kepada syarikat yang sedang mengalami masalah kewangan atau *financial distress* dan syarikat tersebut tidak memenuhi syarat minimum dari segi sudut modal atau equity yang telah ditetapkan oleh Bursa Malaysia. Syarikat yang tersenarai dalam senarai ini tidak memiliki perniagaan teras dan kedudukan dana pemegang saham adalah di bawah 25% daripada jumlah modal berbayar mereka. Dari tahun 2014 hingga 2016, terdapat dua puluh satu syarikat yang baru disenarai di Bursa Saham Malaysia diklasifikasikan sebagai PN17. Syarikat-syarikat ini telah tersenarai dalam PN17 mengikut piawaian sedia ada. Walau bagaimanapun, terdapat pelabur yang tidak mengetahui tentang status syarikat-syarikat yang disenaraikan.

PENYATAAN MASALAH

Masalah kewangan ditakrifkan sebagai syarikat yang mengalami aliran tunai negatif daripada aktiviti operasi, aliran tunai negatif daripada aktiviti pelaburan dan aliran tunai negatif daripada aktiviti pembiayaan (Jantadej, 2006), pembayaran pinjaman asal akibat aliran tunai yang tidak mencukupi (Foster & Ward, 1997; Turetsky & McEwen, 2001; Grice & Dugan, 2001, Abid & Zouri, 2002; Maux & Morin, 2011). Rumusnya, masalah kewangan adalah proses dinamik terhadap kegagalan korporat. Masalah kewangan adalah tindak balas, seperti ketidakelesaian mental atau fizikal, menekankan mengenai keadaan seseorang yang pada umumnya mempunyai kewangan yang kukuh. Ianya termasuk persepsi terhadap keupayaan seseorang untuk menguruskan sumber ekonomi seperti pendapatan dan simpanan, membayar bil, membayar hutang, dan menyediakan keperluan serta kehendak dalam kehidupan (Kim-Soon, Mohammed dan Ahmad, 2013).

Sebab-sebab masalah kewangan bagi firma itu ialah nisbah semasa, kecekapan dan ekuiti ketara secara statistik dan mempunyai pengaruh yang positif ke atas masalah kewangan, manakala leveraj mempunyai pengaruh penting tetapi negatif kepada masalah kewangan (Pranowo et al., 2010). Ini disebabkan oleh peningkatan yang tidak seimbang dalam liabiliti disertakan dengan pengecutan dalam nilai aset (Gestel et al., 2006). Masalah kewangan dapat dilihat sebagai mekanisme pilihan yang menamatkan syarikat-syarikat yang tidak menguntungkan (Smith dan Stromberg, 2004). Coats dan Fant (1993) pula menyatakan kebangkrutan hanyalah satu hasil daripada masalah kewangan. Walau bagaimanapun, Routledge dan Gadenne (2000) menyatakan bahawa banyak syarikat memilih penyusunan semula untuk menangani masalah kewangan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa firma yang bermasalah kewangan tidak semestinya akan menghadapi kebangkrutan.

Justeru objektif kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara nisbah semasa, nisbah cepat dan nisbah hutang dengan prestasi kewangan syarikat PN17.

SOROTAN LITERATUR

Prestasi Kewangan Syarikat

Kajian yang telah dibuat oleh Altman, Haldeman dan Narayanan (1977), Salehi dan Abedini (2009), Kiragu (1993), Altman (1968), Kimura (1980), Paranowo (2010), Keige (1991), Baimwera (2001), Paranowo (2010) dan Theodossiou (1996) telah memberikan beberapa bukti mengenai kegunaan maklumat perakaunan khususnya nisbah kewangan sebagai penunjuk prestasi semasa, masa lalu dan masa depan. Secara umum, penganalisis kewangan dan pelabur menggunakan nisbah kewangan untuk menilai atau mengenal pasti masalah kewangan atau muflis. Abad terakhir telah menyaksikan beberapa peristiwa

ekonomi antarabangsa yang mempengaruhi kedudukan kewangan negara-negara yang mengalami krisis yang kronik terhadap pasaran saham. Pasaran kewangan Asia Tenggara pada tahun 1997 telah menyaksikan kemerosotan ekonomi utama di Hong Kong, Indonesia, Filipina, Thailand, Korea Selatan dan Malaysia (Nahar et al., 2004).

Altman (1968) menyatakan dalam kajiannya bahawa sebuah firma yang mempunyai rekod keuntungan yang rendah atau tahap hutang yang tinggi boleh dianggap sebagai syarikat yang berpotensi untuk bankrap. Walau bagaimanapun, disebabkan kadar kecairan mengatasi nilai purata, keadaan ini tidak dianggap serius. Kajian Tan (2012) untuk menentukan hubungan antara prestasi kewangan dan masalah kewangan semasa krisis kewangan telah menghasilkan satu keputusan bahawa firma-firma yang mempunyai tahap hutang yang rendah cenderung untuk melakukan lebih baik daripada firma-firma dengan jumlah hutang yang lebih tinggi. Di samping itu, hubungan negatif antara krisis menimbulkan masalah kewangan dan prestasi kewangan dan ini hanya menunjukkan bahawa syarikat yang mempunyai hutang yang tinggi semasa krisis adalah satu pengalaman yang buruk. Hasil kajian tersebut konsisten dengan Andrade dan Kaplan (1998).

Terdapat banyak cara untuk menganalisis prestasi, terutamanya apabila terdapat banyak formula dan nisbah di luar sana yang boleh digunakan untuk mengukur prestasi. Pada asasnya, dalam menilai prestasi kewangan di sektor perbankan, ia diukur dengan pulangan atas aset (ROA), margin faedah bersih (NIM) dan pulangan ekuiti (ROE). Ramai penyelidik seperti Hamedian (2013), Al-Gazzar (2014) Muhamad (2015) dan Hashima (2015) menggunakan nisbah sebagai penunjuk prestasi.

Nisbah Semasa dan Nisbah Cepat

Nisbah semasa adalah yang paling biasa digunakan sebagai ujian kecairan yang asas. Nisbah semasa adalah lebih besar daripada atau sama dengan satu, ini menunjukkan bahawa harus dapat memenuhi obligasi jangka masa terdekat dan nisbah semasa kurang daripada satu mungkin bermakna firma itu mempunyai isu-isu kecairan aset semasa (Cowen dan Hoffer, 1982; Courtis, 1978). Semakin tinggi nisbah semasa, semakin tinggi kecairan dan ini memudahkan syarikat untuk menentukan atau meramalkan apa-apa kemerosotan dalam perniagaannya (ROA) (Mahmood et al., 2009).

Nisbah cepat adalah ujian yang lebih baik dalam menguji kecairan kerana aset semasa seperti inventori dan perbelanjaan prabayar yang lebih sukar untuk menukar kepada wang tunai tidak diambil dalam pengiraan nisbah (Cowen dan Hoffer, 1982). Idea di sebalik nisbah ini adalah bahawa inventori mengalami keadaan kurang cair yang hendak ditukar kepada wang tunai dan ia kadang-kadang dipanggil nisbah ujian asid. (Brigham dan Ehrhardt 2008; Gibson dan Frishkoff 1986).


Nisbah kecairan memainkan peranan penting dalam meramalkan tekanan kewangan (Altman, Haldeman, dan Narayanan, 1977). Ini mungkin berlaku kerana firma yang mempunyai kecairan yang lebih tinggi akan mempunyai lebih banyak wang untuk menampung semua kewajipan kewangan mereka tepat pada waktunya. Keige (1991), Kiragu (1993) dan Ohlson (1980) mendapati bahawa aset semasa kepada liabiliti semasa telah berjaya meramalkan kebangkrutan. Secara teorinya, peningkatan nisbah kecairan akan menyebabkan penurunan kebarangkalian kewangan. Walau bagaimanapun, ciri ini agak kerap berlaku dalam kajian berasaskan logik, contohnya kajian Chi & Tang (2006), Darayseh, Waples, dan Tsoukalas (2003), Reynolds et al. (2002), serta Ugurlu dan Aksoy (2006).

Nisbah Hutang

Nisbah hutang adalah ukuran leveraj kewangan syarikat yang dikira dengan jumlah liabilitinya dibahagikan dengan jumlah asetnya. Tahap leveraj yang tinggi akan membawa kesan yang buruk kepada prestasi bank. Nisbah hutang untuk mengukur peratusan jumlah aset yang dibiayai oleh hutang. (K.R Subramaniam, 2010)

Hubungan antara analisis leveraj dari segi nisbah hutang dan prestasi bank (ROA) juga menunjukkan hubungan negatif. Hal ini disebabkan kos pinjaman yang tinggi di bank. Kedua-dua hubungan itu disokong oleh artikel Chung Hua Shen (2010) dan Jing Chi (2010) masing-masing. Oleh itu, ia boleh menunjukkan prestasi bank menurun dengan analisis kecairan (nisbah cepat) dan analisis leveraj (nisbah hutang). Nisbah hutang adalah faktor yang penting untuk mengukur hutang syarikat. Semakin tinggi peningkatan nisbah ini menunjukkan ianya semakin besar tahap firma berhutang dan lebih banyak leveraj kewangan yang ada.

Kerangka Kajian



Pemboleh Ubah Tidak Bersandar

Pemboleh Ubah Bersandar

(Sumber Diolah daripada: Mohammed, 1997)

Rajah 1: Kerangka Kajian

METODOLOGI

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji sama ada nisbah kecairan dan nisbah leveraj memberi kesan kepada prestasi kewangan bagi syarikat yang disenaraikan sebagai PN17 di Bursa Saham Malaysia. Justeru, pengkaji telah mendapatkan data sekunder melalui laporan tahunan syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia yang diklasifikasikan sebagai syarikat PN17 yang diakses menerusi *Thomson One Datastream*. 21 buah syarikat PN17 telah dipilih melalui kaedah persampelan *census* meliputi pelbagai sektor industri yang berbeza di Malaysia yang telah tersenarai di Bursa Saham Malaysia dari tahun 2014 hingga 2016. Oleh itu, data akan diuji dengan menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Teknik analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah korelasi bagi mengetahui kekuatan hubungan diantara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar serta menguji hipotesis yang telah dibuat.

Dapatan Kajian

Berdasarkan hasil analisa korelasi, ia boleh dirumuskan bahawa terdapat dua pemboleh ubah yang mempunyai hubungan signifikan yang positif pada tahap 0.01. Manakala terdapat satu pemboleh ubah yang mempunyai hubungan signifikan yang negatif. Berdasarkan kepada Cohen & Holiday (1982), terdapat hubungan yang lemah diantara nisbah semasa (0.091 = nilai koefisien) dan nisbah cepat (0.088 = nilai koefisien) dengan prestasi kewangan (ROA) syarikat PN17. Terdapat hubungan negatif yang kuat di antara nisbah hutang (-1.000 = nilai koefisien) dengan prestasi kewangan (ROA) syarikat PN17. Ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh David Hutchinson dan Raymond Cox (2002) bahawa terdapat hubungan yang negatif di antara nisbah hutang syarikat dan prestasi kewangan (ROA).

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dibuat, ini membuktikan nisbah hutang mempunyai hubungan yang kuat dengan prestasi kewangan syarikat berdasarkan hubungan yang negatif. Ini bermakna jika nisbah hutang semakin tinggi, prestasi kewangan syarikat akan menurun. Justeru, pengkaji mencadangkan bagi mendapatkan kedudukan leveraj yang lebih baik, organisasi perlu mengurangkan aset yang tidak digunakan sekaligus dapat mengurangkan hutangnya untuk membiayai aset tersebut (Ruth King, 2013). Organisasi yang mempunyai kadar hutang yang tinggi serta mengalami masalah kewangan juga perlu membuat penstrukturan semula

hutang-hutangnya sebagai salah satu cara dalam meningkatkan modal dan seterusnya mengurangkan nisbah hutang. Penstrukturan hutang ini melibatkan kadar faedah yang rendah berbanding sebelumnya. Ini akan mengurangkan perbelanjaan faedah dan bayaran bulanan sekaligus meningkatkan keuntungan syarikat secara dasarnya dan juga aliran tunai. (Ruth King, 2013: Gina, 2005). Untuk penyelidikan akan datang pula pengkaji mencadangkan untuk mengambil kira tempoh masa data yang diambil lebih panjang supaya data yang diperolehi lebih mantap dan pelbagai.

RUJUKAN

- Ahn, E. I., (2000). "Financial Ratios, Discriminant Analysis and the Prediction of Corporate Bankruptcy". *Journal of Finance*, 589-609.
- Al-Gazzar, M. M. (2014). The Financial Performance of Islamic vs Conventional Banks: An Empirical Study on the GCC & MENA Region.
- Ali Abusalah Elmabrok Mohammed. (2012). Financial Situation Of Pn17 Companies Listed In The Malaysian Stock Exchange , University Tun Hussein Onn Malaysia , Degree's Thesis.
- Ali, K. A. (2008). Financial Analysis And Its Uses To Control The Performance And Detect Deviations, Arab Open Academy in Denmark College, Master's Thesis.
- Altman, E. (1968). Financial ratios, discriminant analysis and the prediction of corporate bankruptcy. *The Journal of Finance*. 23(4), 589-609.
- Altman, E. I., Haldeman, R. G. & Narayanan, P. (1977). Zeta Analysis: A new model to identify bankruptcy risk of corporations. *Journal of Banking and Finance*, 1, 9-24.
- Ambrose Jagongo. (2014). A Survey of the Factors Influencing Investment Decisions : The Case of Individual Investors at the NSE. *International Journal of Humanities and Social Science*, Vol. 4 No. 4.
- Andualem Ufo Baza. (2011). Financial Distress and Its Determinants In Selected Beverage and Metal Manufacturing Firms in Ethiopia. Addis Ababa University in Ethiopia. Degree's Thesis.
- Andrade dan Kaplan. 1998. "How Costly is Financial (Not Economic) Distress? Evidence from Highly Leveraged Transactions that Became Distressed". *Journal of Finance*. 53. 1443-1493.
- Argenti, M. (2003). Financial ratios as predictors of failure, Empirical Research in Accounting: Selected Studies, University of Chicago, Chicago, Ill., 71-111.
- Baimwera, B. (2006). The relationship between book-to-market ratio of equity and distress for stocks quoted at the NSE. Nairobi: University of Nairobi.

- Barker, D., & Holdsworth, D.(1993). The Causes of Bank Failures in the 1980s. Research Paper No. 9325, Federal Reserve Bank of New York.
- Barr, R. S., Killgo, K. A., Siems, T. F., and Zimmel, S. (2002). Evaluating the Productive Efficiency and Performance of U.S. Commercial Banks. *Engineering Management*, 28(8), p. 19.
- Beaver, W. 1966. Financial ratios as predictors of failure. *Journal of Accounting Research*. 5: 71-111.
- Bergstrom, C. and S. Sundgren (2002), "Restructuring Activities and Changes in Performance Following Financial Distress," SNS Occasional Paper No. 88.
- Byrne, H. S. & Barron's. (1993). Accounting & Tax Periodicals, National Business and Financial Weekly. *Investment news & Views*. p. 47.
- Chhoa Siew Phin. (2010). Prediction Of Financial Distress Companies On Bursa Malaysia - An Examination Of Pnl7 Companies. Universiti Malaysia Sarawak , Degree's Thesis.
- Chi, LC & Tang, TC 2006, 'Bankruptcy Prediction: Application of Logit Analysis in Export Credit Risks'. *Australian Journal of Management*. vol. 31, no. 1. pp. 17-28.
- Cohen, L. & Holiday, M. (1982), Statistics for Social Scientists. London: Harper and Row.
- Courtis, J. K. (1978). Modeling a Financial Ratios Categorical Framework", *Journal of Business finance and Accounting*. Vol.5 No.4. pp. 371 – 386.
- Cowen, S. S., & Hoffer, J. A. (1982, March). Usefulness of financial ratios in a single industry. *Journal of Business Research*. 10(3). 80–89.
- Damodaran, R.. (2012) Total Trade Up 8.7%. Thanks to Asian Export. *The New Straits Times*. p.B25
- David E. Hutchison Dan Raymond A. K. Cox (2002), The Causal Relationship Between Bank Capital and Profitability, *Annals of Financial Economics*.
- Dr. Florence Memba (2013). Causes of Financial Distress: A Survey of Firms Funded by Industrial and Commercial Development Corporation in

- Kenya. *Interdisciplinary Journal Of Contemporary Research In Business*. Vol 4, No 12.
- Ebrahimi, S. K., Bahraminasab, A., & Seyedi, F. S. (2017). The Impact of CAMEL Indexes on Profit Management in Banks Listed on Tehran Stock Exchange. *International Review of Management and Marketing*.
- Edward, I. A. (1968). Financial Ratios Discriminate Analysis, and the Prediction of Corporate Bankruptcy. *Journal of Finance*. vol 23, pp 589-609.
- Erhardt. M.C. and Brigham, E.F. (2006), *Corporate Finance: A Focused Approach*, South Western College: Tennessee.
- Fitzpatrick, P. J. (1932), "A Comparison of Ratios of Successful Industrial Enterprises with Those of Failed Firms". *Certified Public Accountant*. October, November and December 1932: 598-605, 656-662, 727-731.
- Fu Shuen Shie , Mu-Yen Chen dan Yi-Shiuan Liu. (2012). Prediction of Corporate Financial Distress: An Application of The America Banking Industry. *Article Neural Comput dan Applic*. 21:1687–1696 , DOI 10.1007/s00521-011-0765-5.
- Garman, E. T., Sorhaindo, B., Kim, J. Xiao, J.J., Bailey, W., & Prawitz, A. (2004). The evolution of the beta version of the In Charge financial distress scale. *Consumer Interests Annual*, 50. Retrieved July 6, 2005, from www.consumerinterests.org/i4a/pages/Index.cfm?pageid=3892.
- Gestel, T., Baesens, B, Suykens, J, & Willekens, M (2006). Bayesian Kernel Based Classification for Financial Distress Detection: *European Journal of Operational Research*. 172(3), 979-1003.
- Gibson, CH & Frishkoff, PA (1986), *Financial Statement Analysis:Using Financial Accounting Information*, 3 edn, Kent Publishing Company, USA.
- Gilbert, L. R., Menon, K. & Schwartz, K. B. (1990). Predicting bankruptcy for firms in financial distress. *Journal of Business Finance and Accounting*. 17, 161-171.
- Gowda, c., Anand, & Kumar, a. (2013). Bank Performance in india: a Study based on CAMEL Framework. *International Journal of Banking, Risk and Insurance*. Volume 1 Issue 1.

- Grice, J. S. and Dugan, M. T. (2001). The Limitation of Bankruptcy Prediction Models: Some Cautions for the Researchers. *Review of Quantitative Finance and Accounting*, vol. 17 No. 2, pp. 151-166.
- Hamedian, B. (2013). Financial Performance of Islamic Banks vs. Conventional Banks: The Case of Malaysia.
- Hasabullah, A. & Zulkarnain, M. (2009). Financial Ratios, Discriminate Analysis And The Prediction Of Corporate Distress, *Journal of Money, Investment and Banking* ISSN 1450-288X Issue 11.
- Hayali, W. N. (2004). Methods and techniques used in financial analysis. *Administrative*, Issue LIII, pp 69-102.
- Hazzi, O.A. & Kilani, M.I.A. (2013). The Financial Performance Analysis of Islamic and Traditional Banks: Evidence from Malaysia. *European Journal of Economics, Finance and Administrative Sciences*, Issue:57, February 2013, ISSN: 1450- 2275.
- Hui, G. S. K. M. L. M. The Impact of Global Financial Crisis: The Case of Malaysia TWN Global Economic Series, Malaysia: Third World Network, 2010.
- Izdihar Baharin dan Dr. Ilham Sentosa. (2013). Capital Structure and the Post Performance Factors of Malaysian PN 17 Firms, *International Journal of Business and Management Invention* , ISSN (Online): 2319 – 8028, ISSN (Print): 2319 – 801X , www.ijbmi.org Volume 2 Issue 3, PP.50-56.
- Jones, F. L. (1987). Current techniques in bankruptcy prediction. *Journal of Accounting Literature*, 6, 131-164.
- K. R. Subramaniam dan John J. Wild, (2010), Tenth Edition, Overview of Financial Statement Analysis, *Financial Statement Analysis: Mc Graw. Hill International Edition*.
- Keige, P. (1991). *Business Failure Prediction Using Discriminate Analysis*. Nairobi: University of Nairobi.
- Khatri, Y., Leruth, L., and Piesse, J., (2002). Corporate Performance and Governance in Malaysia, IMF Working Paper WP/02/152. International Monetary Fund.
- Kim-Soon, N. and Mohammed, A. A. E. & Ahmad, A. R. & Tat, H. H. (2013). Applicability of Altman's Revised Model in Predicting Financial Distress:

- A Case of PN17 Companies Quoted in Malaysian Stock Exchange. *Entrepreneurship Vision 2020: Innovation, Development Sustainability, and Economic Growth*. Malaysia, pp. 350-357.
- Kiragu, M. (1993). *The Prediction Of Corporate Failure Using Price Adjusted Accounting Data*. Nairobi: University of Nairobi.
- Kogi, S. (2003). *An Analysis of The Discriminant Corporate Failure Prediction Model Based on Stability of Financial Ratios*. Unpublished thesis, University of Nairobi.
- Kok, C., *Turbulent 2012 Forecast*, The Star, p. 1. (2011, 17 December 2011).
- Kok, H.O. (2010). What is a PN17 company? Do you sell or buy its shares . The star online, July 14. Retrieved April 26,2017, from www.biz.thestar.com
- Krugman, P. (2009) *The Return of Depression Economics and the Crisis of 2008*.
- Lam Kok Shang. (2015). Malaysia's GST: how does it impact you?. *Treasury Today*, April 2015. Retrieved April 26,2017, from <http://treasurytoday.com>.
- Mahmood, J. A. & Talal, A. (2009). Research presented to the Seventh International Scientific Conference of Zarqa Private University.
- Malik, R. K. (2013). Determinants of Financial Distress Evidence from KSE 100 Index. *Business Review - Volume 8 Number 1* , 7-19.
- Melissa B. Jacoby dan Elizabeth Warren. (2006). *Beyond Hospital Misbehavior: An Alternative Account Of Medicalrelated Financial Distress* , Articles Copyright 2006 by Nonhweslern University School of Uw Printed in U.S.A. Northwestern University Uw Review Vol. 100, No, 2.
- Merwin, C. L. (1942), "Financing Small Corporations: In Five Manufacturing Industries, 1926-36", National Bureau of Economic Research.
- Miller, M.H., and F.Modigliani. (1961). Dividend policy, growth, and the valuation of shares. *Journal of Business*. 34: 411- 433.
- Mohamed, S., Ang, J. & Ahmadu, U. S. (2001). Predicting corporate failure in Malaysia: An application of the logit model to financial ratio analysis. *Asian Academy of Management Journal*, 6 (1), 99-118.
- Mohammed, A. A. E. and Kim-Soon, N. (2012). *Using Altman's Model and Current Ratio to Assess the Financial Status of Companies Quoted In the*

- Malaysian Stock Exchange*, International Journal of Scientific and Research Publications, Volume 2, Issue 7, July 2012 1, ISSN 2250-3153, pp. 2-4.
- Mohammed, M. (1997). Financial analysis, Amman, Jordan, Institute of banking studies. Book, pp. 42-166.
- Muhmad, S. N., & Hashima, H. A. (2015). Using the CAMEL Framework in Assessing Bank Performance in Malaysia. *International Journal of Economics, Management and Accounting* 23, no. 1 (2015): 109-127.
- Nahar, S., Junaidah, H. & Rokiah, I. (2004). Accounting treatment for goodwill among BursaMalaysia Main Board Companies: The case of MAS 6, *Malaysian Accounting Review* Vol. 3 No. 1, 103-122.
- Ng Kim-Soon, Ali Abusalah Elmabrok Mohammed dan Fathi Khalifa M. Agob. (2013), "A Study of Financial Distress Companies Listed in the Malaysian Stock Exchange using Financial Liquidity Ratios and Altman's Model". *European Journal of Scientific Research* ISSN 1450-216X / 1450-202X Vol.114 No 4 November , 2013 , pp.513-525 .
<http://www.europeanjournalofscientificresearch.com>.
- Ohlson, J. 1980. Financial ratios and the probabilistic prediction of bankruptcy. *Journal of Accounting Research* 18(1): 109-131.
- Palat, R 1989, *Understanding Ratios: A Practical Guide for Business, Finance and Banking*, Kogan Page, UK.
- Pang-Tien Lieu, Ching-Wen Lin and Hui-Fun Yu. (2008). "Financial Early-Warning Models On Cross-Holding Groups", *Industrial Management and Data System*, Vol. 108, No. 8, page 1060-1080.
- Paranowo, K. e. (2010). Determinant of Corporate Financial Distress in an Emerging Market Economy: Empirical Evidence from the Indonesian Stock Exchange 2004-2008. *International Research Journal of Finance and Economics*, 80-88.
- Petersen, M. and R. Rajan, 1994, The Benefits of Lending Relationship, Evidence from Small Business Data, *Journal of Finance* 49, 3-37.
- Pranowo, K, Azam, N, Achسانی, Manurung, AH, & Nuryartono, N 2010, 'Determinant of Corporate Financial Distress in an Emerging Market Economy': Empirical Evidence from the Indonesian Stock Exchange 2004-2008.

- Ramser, J., and Foster, L. (1931), "A Demonstration of Ratio Analysis", Bulletin No. 40, Urbana, III, University of Illinois, Bureau of Business Research.
- Rasiah, M. Z. A. R., *The Global Financial Crisis and the Malaysian Economy: Impact and Responses*, Malaysia: UNDP, 2009.
- Rostami, M. (2015). Determination of Camels model on bank's performance. *International Journal of Multidisciplinary Research and Development*.
- Routledge, J. and Gadenne, D. (2000). Financial distress, reorganization and corporate performance. *Accounting and Finance*, 40(3), 233-259.
- Ruth King (2013). 6 Strategies for Reducing Debt. *The Hvacr Management Magazine*. Retrieved November 24, 2017 from www.hvacrbusiness.com.
- Said, M., & Saucier, P. (2003). *Liquidity, Solvency, and Efficiency: An Empirical Analysis of the Japanese Bank's Distress*. University of Birmingham 20th Symposium on Banking and Monetary Economics.
- Samira Mohamed. (2013). *Bankruptcy Prediction Of Firms Listed At The Nairobi Securities Exchange*, School Of Business University Of Nairobi : Master's Thesis
- Scott, J. (1981). The probability of bankruptcy: A comparison of empirical predictions and theoretical models. *Journal of Banking and Finance*, 5, 318-344.
- SEATRADE. (2011, September 22). Swee Joo to delist from Malaysian stock exchange. Retrieved from Seatrade Maritime News: <http://www.seatrade-maritime.com/news/asia/Swee-Joo-to-delist-from-Malaysian-stock-exchange.html>.
- Shang. (2016). The hard truth about GST. *The Star Online*, October 13. Retrieved April 26, 2017, from www.biz.thestar.com.
- Shen, C.H (2010), *Bank Liquidity Risk and Performance*, Department of Finance, National Taiwan University.
- SME. (2016). *The Malaysian Economy Chapter 1*, 6-17.
- Smith, D., Stromberg, P 2005, 'Maximizing the Value of Distressed Assets': *Bankruptcy Law and the Efficient Reorganization of Firms*: Systemic Financial Distress: Containment and Resolution, Luc Laeven (ed.), Cambridge University Press, 232-275.

Sundarajan, V. and L. Errico (2002). "Islamic Financial Institutions and Products in the Global Financial System: Key Issues in Risk Management and Challenges Ahead".

Theodossiou,P., and E. Kahya,(1996). *Non Stationarities in Financial Variables and the prediction of Business Failures*" Proceedings of the Business and economic statistics section, American Statistical Association, pp.130-133

Tih Koon Tan. (2012) Financial distress and firm performance: Evidence from the Asian financial crisis , Journal of Finance and Accountancy.